

Penjawat awam wajar jadi ejen semangat patriotisme

Malaysia sebagai negara berbilang bangsa dan agama menggunakan model akomodasi sebagai model kehidupan bermasyarakat.

Melalui konsep akomodasi dinyatakan Profesor Ulung Dr Shamsul Amri Baharuddin, ia menyebabkan setiap etnik menghormati norma serta nilai etnik lain, sekali gus mempertahankan budaya masing-masing.

Konsep ini diwakili formula $A + B + C = A + B + C$, iaitu A, B dan C merujuk kepada budaya. Pelbagai etnik hidup harmonis dan hormat-menghormati.

Pada peringkat pemerintahan Pusat, setiap etnik ada wakil dalam bidang ekonomi dan pendidikan, sekali gus saling bergantung seperti meluas di alam di negara ini.

Bagaimanapun, sebagai negara yang mempunyai teras kebudayaan dan nilai berakar ciri kebudayaan dan nilai cara hidup Melayu perlu menjadi asas pembinaan negara bangsa.

Orang Melayu ialah penduduk asal di Nusantara dengan Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebahagian gugusannya.

Maka bukan suatu asing dahulu berpindahan antara wilayah kerana masih lagi dalam rantau Alam Melayu.

Ketatanegaraan Malaysia digabungkan dengan bangsa Melayu namun masih membuka ruang kepada bangsa lain di negara ini untuk turut mempunyai hak dan peranan.

Tiada negara di dunia hanya didiami satu bangsa. Menyedari setiap manusia mempunyai hak, Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf hak kepentingan sah kaum lain di negara ini.

Bagaimanapun, sendi kenegaraan perlu mempamerkan citra Melayu

Bumiputera selaku kaum majoriti dan asal negara ini yang kerajaan ialah ejen utama kepada kelestarian aspirasi penubuhan negara bangsa.

Keazaman politik pemimpin sejak merdeka banyak digerakkan kerajaan yang bertindak sebagai golongan pelaksana.

Jaya atau gagal dasar dan keazaman politik terletak bagaimana pelaksanaan itu dijalankan penjawat awam.

Sebagai penjawat awam di bawah kementerian, aspirasi rakyat ialah aspirasi kerajaan. Maka, aspirasi negara terbesar adalah mencipta Malaysia beradab, harmoni dan berpegang kepada Rukun Negara.

Penjawat awam perlu paling gigih meningkat dan mempertahankan nilai terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara kerana mereka ejen patriotisme tanpa mengira jabatan, agensi mahupun skop tugas.

Sekiranya penjawat awam yang berjanji dan bersumpah setia untuk menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai jati diri dan semangat patriotisme, bagaimana negara mampu menghasilkan masyarakat mempunyai unsur itu?

Dewasa ini, budaya pop bukan berakar nilai dan kebudayaan Malaysia semakin membarah dalam masyarakat. Ia budaya yang sengaja dicipta semata-mata untuk diterima semua lapisan masyarakat demi memenuhi kepentingan pengeluar dan pihak terbabit.

Pengaruh budaya pop sering mengancam, dalam banyak keadaan melemahkan cita-cita unggul sesebuah negara, iaitu mewujudkan budaya dan keperibadian nasional.

Dalam usaha kerajaan membina

budaya nasional, musuh ketatnya ialah budaya pop digerakkan semata-mata kerana keinginan memenuhi kepentingan kebendaan.

Proses pemodenan berkait rapat budaya pop yang menghunjam sistem nilai asal negara ini. Kegopohan untuk bergelar negara maju, membuka ruang cukup besar kepada budaya pop membadai masyarakat yang masih poros penjiwaan budaya nasional.

Matlamat akhirnya, mengubah gaya hidup, sistem nilai dan norma masyarakat tempatan.

Penjawat awam perlu membebaskan diri daripada budaya pop. Kita perlu mengakui kebanyakan masyarakat memandang setiap dari Barat sentiasa unggul dan moden hingga kadangkala entiti dalam kerajaan sendiri lebih cenderung menggunakan istilah bahasa Inggeris dalam urusan dengan masyarakat.

Ia tampak lebih elegan dan sekata dengan tuntutan zaman bagi sesetengah pihak, sedangkan hal itu akan merosakkan kebudayaan nasional berteraskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Budaya pop sebegitu perlu dibebaskan pihak berautoriti seperti kerajaan.

Cukup-cukuplah menggunakan bahasa Inggeris atau istilah tidak menggambarkan kebudayaan nasional kerana sebagai ejen patriotisme, penjawat awam mempunyai tugas dan amanah besar seperti cogan kata 'saya yang menjalankan amanah.'

Amanah dimaksudkan adalah menjayakan aspirasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan kebudayaan nasional.

Pembudayaan nasional juga perlu

dimulai kod pemakaian penjawat awam kerana ia menggambarkan imej dan jati diri bangsa Malaysia.

Hingga hari ini, penjawat awam digalakkan memakai pakaian kebangsaan pada Jumaat atau Khamis untuk Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Baju batik Malaysia pula digalakkan pemakaiannya pada Khamis atau Ahad untuk negeri bercuti pada Jumaat.

Walaupun kod pemakaian ini tidak diwajibkan, perkataan 'menggalakkan' itu memberi harapan cukup tinggi untuk dibudayakan. Kadangkala individu berbaju kebangsaan kerap dihujani pertanyaan dan sindiran, tidak kurang juga mengundang pandangan pelik orang lain.

Pandangan skeptikal ini berpunca budaya pop yang semakin membarah dalam pemikiran masyarakat. Pendauletan bahasa Kebangsaan dan pembudayaan busana kebangsaan antara faktor kejayaan kebudayaan nasional yang berkait rapat dengan semangat patriotisme serta jati diri.

Mungkin segelintir melihat ia perkara remeh, namun untuk mewujudkan negara berjati diri kukuh, hal ini tidak boleh dipandang ringan.

Pengolahan imej kebudayaan nasional di khalayak umum penjawat awam mencerminkan betapa kerajaan amat serius melestarikan budaya Malaysia untuk dicontohi seluruh masyarakat. Oleh itu, wajar penjawat awam mempunyai semangat dan penghayatan patriotisme kerana mereka ejen utama kejayaan dasar negara.

Hisyam Basabah,
Bangi